

## HARI RAYA DAN PATRIOTISME

Oleh : The Six Phoenix

Selamat Hari Raya kepada seluruh muslimin di Malaysia. Semoga sejahtera keatas semua hendaknya dengan berkat kekasih-Nya Muhammad Rasulullah. Kita merayakan hari raya dengan penuh kesyukuran serta keinsafan untuk menyedari akan nikmat yang diberi oleh yang maha Esa tidak pernah putus di bumi berdaulat ini.

Perayaan ini diraikan untuk mengingati kemenangan kita mengawal hawa nafsu selama sebulan yang diisi dengan penuh aktiviti-aktiviti kerohanian yang mendekatkan diri kita kepada sang pencipta. Kemenangan ini juga adalah untuk melahirkan rasa syukur atas keamanan dan kedamaian kehidupan secara harmoni di negara ini.

Sambutan kemerdekaan juga termasuk dalam ruang lingkup perayaan, iaitu merayakan hari kemenangan diri, bangsa, agama dan tanah air dari naungan kuasa asing yang mencengkam selama 446 tahun lamanya. Selama tempoh itu jugalah kita tidak dapat merasa erti kebebasan dan kemerdekaan. Nenek moyang dikerah paksa, hasil negara dilapah oleh sang buaya yang senantiasa tidak pernah puas.

Setelah mencapai kemerdekaan barulah sebenarnya erti perayaan itu muncul kerana tiada halangan lagi untuk kita dan tiada alasan lagi untuk tidak melahirkan rasa syukur atas nikmat yang sedia ada selama 59 tahun tanah air kita merdeka.

Musim perayaan banyak menyajikan kita dengan pelbagai perkara yang elok untuk kita teladani seterusnya merenungi untuk muhasabah ke arah lebih baik pada masa akan datang. Sebagai rakyat Malaysia yang mendukung prinsip Rukunegara seharusnya kita berbangga dan sentiasa ingat-mengingati sesama kita agar nikmat ini tidak dilupakan dan perayaan hari kebebasan dapat terus diraikan.

Lantaran dengan itu, mengambil contoh perayaan Aidilfitri yang disimbolikan kembalinya kita kepada fitrah kehidupan sepatutnya dapat menyedarkan setiap diri yang beragama betapa beruntungnya kita dapat menyambutnya di bumi sendiri berbanding kebanyakan negara Islam yang tidak pernah berhenti dari konflik yang bergolak.

Keamanan dalam negara ini perlu dikekalkan, dipertahan dan diperjuangkan oleh setiap warganegara yang berikrar menjunjung penuh prinsip Rukunegara. Jika tidak, pengorbanan warisan nenek moyang hanya sia-sia sahaja. Perayaan yang hendak disambut tiada makna dek kerana tiada apa yang hendak diraikan melainkan kedukaan dan kesengsaraan yang berpanjangan.

Hayatilah perjuangan pejuang-pejuang tanah air terdahulu dan hargailah mereka supaya kita dapat terus menyantuni generasi yang akan datang agar perayaan berbentuk kebebasan (kemerdekaan) kekal berpanjangan selama masa mengizinkan.

Selamat hari raya

Sebulan penuh kita berpuasa

Menikmati kemerdekaan yang tersedia

Mensyukuri nikmat di hari muka.